



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



**SIARAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **DARI LADANG KE GALERI: PAMERAN “Rub ‘A Paint” MENGANGKAT POTENSI INOVASI WARNA GETAH.**

**5 Jun 2018, Kuala Lumpur-** Inovasi warna getah oleh Lembaga Getah Malaysia meluaskan lagi pilihan medium untuk pengkarya seni visual menghasilkan karya mereka. Ini dapat dilihat melalui Pameran “Rub ‘A Paint” yang dipamerkan di dada Galeri Balai Seni Negara.

Getah, satu produk yang tidak disangka boleh dijadikan warna. Warna getah ini menggunakan 30 peratus getah asli dan ianya lebih mesra alam. Sifatnya dilihat lebih hampir kepada warna poster dan di antara warna cat air dan akrilik. Produk ini dilihat mempunyai daya saing dari segi sifat bahan yang baru, murah dan produk ciptaan anak Malaysia.

Seramai 15 orang pelukis tempatan antaranya, Cheah Yew Saik, Ajis Mohamad, Christine Das dan Azman Hilmi serta 2 pelukis antarabangsa iaitu Goh Beng Kwan dari Singapura dan Smith Sein Lynn dari Myanmar-Thailand diberi peluang untuk mencuba warna ini dan hasilnya 85 buah karya-karya pelbagai genre dipamerkan pada Pameran ini.

Bagi yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai warna ini, dijemput hadir untuk menyaksikan pameran ini yang berlangsung mulai 4 Jun 2018 sehingga 24 Jun 2018 di Galeri Kreatif Space, Balai Seni Negara. Ianya dirasmikan oleh YBrs Dr Zairossani Mohd Nor, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Getah Malaysia.

###

Unit Komunikasi Korporat  
Balai Seni Negara  
No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak  
53200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)